

12/05/1999

Pas cari publisiti melalui dialog

Nasir Hassan

ISU perdebatan mengenai agama antara Umno dengan Pas bukanlah perkara baru. Ia pernah disuarakan pemimpin parti politik itu sebelum ini.

Malah, pada satu ketika ia hampir menjadi kenyataan apabila kedua-dua parti itu bersetuju mengadakan debat terbuka melalui televisyen berhubung isu Pas mengkafir Umno yang dijadualkan pada 11 November 1984.

Isu perdebatan itu bermula berikutan cabaran Naib Presiden Pas, Abdul Hadi Awang dalam majalah Asiaweek Ogos 1984 untuk mengadakan dialog terbuka itu.

Kenyataan itu disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila diminta mengulas mengenai tawaran itu sewaktu merasmikan mesyuarat tahunan Koop Bersatu di Subang Jaya, 25 Ogos 1984.

Perdana Menteri berkata, Umno sedia mengadakan perdebatan terbuka di televisyen dengan Pas.

Namun, pendapat umum ketika itu menyatakan perdebatan mengenai agama berasaskan kepada fahaman politik kepartian tidak akan membawa makna dalam menentukan kebenaran, kerana masing-masing mempunyai hujah tersendiri.

Malah, ia boleh memecahbelahkan lagi perpaduan umat Islam.

Paling tidak, ia akan digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang memang mahu melihat perpecahan umat Islam.

Jika ulama besar sendiri pernah menetapkan membincangkan perkara `khilaf' dan `furu'yiah' atau cabang itu perkara terlarang, tentulah Umno dan Pas sedar apa yang hendak didebatkan itu lebih besar kesannya daripada bertengkar soal bersentuh kulit lelaki dan wanita yang halal nikah itu membatalkan air sembahyang atau tidak.

Mungkin atas alasan itu jugalah, majlis perdebatan itu terpaksa dibatalkan atas titah perintah Yang di-Pertuan Agong.

Seri Paduka Baginda dan Raja-Raja Melayu berpendapat, debat itu jika dilangsungkan boleh memecahbelahkan orang Melayu dan umat Islam.

Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, ketika itu sebagai Ketua Dewan Ulama Pas lantas menyifatkan pembatalan debat Umno-Pas itu membantutkan usaha partinya untuk menjelaskan tuduhan Pas mengkafir Umno yang tersebar luas ketika itu.

Ketika ditemui di Bangunan Parlimen pada petang 8 November 1984, beliau berkata, dengan pembatalan itu rakyat tidak akan tahu apa-apa mengenai tuduhan yang ditimbulkan.

Menurutnya, Pas kononnya tidak mendesak Umno supaya berdebat dengannya tetapi meminta supaya diadakan muzakarah bagi menyelesaikan isu itu.

Baru-baru ini isu debat Umno-Pas tercetus lagi. Umno bersedia berbuat demikian berhubung pelbagai isu yang dibangkitkan parti pembangkang itu mengenai pelaksanaan hukum Islam dalam pemerintahan negara.

Sekali lagi, walaupun belum ada pendapat umum mengenainya, perdebatan itu walau apa bentuk sekali pun, tidak akan meninggalkan kesan positif.

Tidak kira siapa yang petah berhujah, dua perkara jelas akan berlaku iaitu pergerakan Islam akan kehilangan kewibawaan dan musuh Islam akan mendapat keuntungan besar. Mereka akan mengambil kesempatan daripada `kelemahan' yang akan timbul dalam perdebatan itu.

Pas memang mengharapkan perdebatan ini diadakan tanpa memikirkan akibatnya.

Kesediaan mengadakan perdebatan ini memang sudah lama ditunggu-tunggu oleh Pas, malah menurut Nik Aziz, lebih 10 tahun lalu Pas mengirimkan surat kepada Setiausaha Agung Umno ketika itu. Dengan cara itu Pas

mendapat publisiti meluas dan menghebahkan dasar perjuangan parti itu. Ini selaras dengan matlamat pemimpin Pas yang berhasrat menjadikan Kelantan negeri contoh kepada keseluruhan pentadbiran kerajaan jika dapat menguasai pemerintahan negara sebagaimana diimpikan parti itu.

Menurut pemimpin Pas, inilah masa mereka boleh menjelaskan dasar parti itu kepada rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata jika perdebatan itu terpaksa diadakan, ia hendaklah dibuat secara ilmiah di kalangan mereka yang berilmu tanpa menimbulkan kesan buruk terhadap perpaduan umat Islam.

Menurutnya, Umno bersedia mengadakan debat tetapi ia mesti ia dilakukan dengan syarat tertentu dan terkawal tanpa emosi bagi mengelakkan bertambahnya kekeliruan di kalangan umat Islam.

Nik Abdul Aziz ketika berkata terpulanglah kepada keadaan sama ada perdebatan itu perlu diadakan secara terbuka atau tertutup. Persoalannya, apakah pemimpin Pas mampu mengawal perasaan penyokongnya daripada bertindak secara tidak emosional sekiranya perdebatan itu diadakan di majlis terbuka?

Apakah mereka yakin dapat menilai setiap hujah yang akan diperdebatkan secara rasional tanpa dipengaruhi emosi dan sentimen politik yang selama ini ditanam dan diasuh oleh pemimpinnya.

Bertolak kepada isu perdebatan itu, pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan gerakan Islam dan alim ulama mungkin boleh mengemukakan pandangan masing-masing sama ada perdebatan itu perlu diadakan atau sebaliknya.

Apa yang kita mahu isu perdebatan itu diterjemahkan sebagai usaha ke arah mencari titik pertemuan mengenai agama serta merapatkan tali persaudaraan sesama Islam kesan perbezaan fahaman politik antara mereka.

Perdebatan itu seharusnya meninggalkan kesan buruk kepada umat Islam sebagaimana hikayat Melayu, betapa malangnya nasib Pak Kadok, 'menang sorak kampung tergadai!'

(END)